

'Najib adalah 1MDB, 1MDB adalah Najib'

Punca saksi tergesa-gesa tandatangani perjanjian usaha sama

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali dan Siti Nurazlinee Azmi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), 1Malaysia Development Berhad (1MDB), Datuk Shahrul Azral Ibrahim Halmi, menyifatkan Datuk Seri Najib Razak adalah 1MDB dan 1MDB adalah Najib.

Ia kerana apa saja yang dikehendaki bekas Perdana Menteri itu perlu disegerakan termasuk perjanjian usaha sama 1MDB dengan syarikat perkhidmatan dan pengeluaran minyak, PetroSaudi International Ltd (PSI).

Mengikut Shahrul Azral, ia adalah antara punca beliau menandatangani perjanjian usaha sama terbabit tergesa-gesa kerana perkara yang berlaku dalam urusan syarikat adalah seperti yang dikehendaki Najib.

Sebagai CEO, katanya, beliau hanya menyempurnakan kehendak Lembaga Pengarah 1MDB dan apa

yang Najib mahukan.

"Tidak wujud dalam pemikiran saya ia adalah di antara 1MDB dan Najib, kerana Najib adalah 1MDB dan 1MDB adalah Najib.

"Apa saja yang Najib mahukan, saya perlu menyelesaikannya," katanya.

Shahrul Azral turut memberitahu beliau tidak memasukkan nama ahli perniagaan dikehendaki polis, Low Taek Jho atau Jho Low dalam Minit Lembaga Pengarah 1MDB pada 2009 kerana beberapa perkara tertentu tidak dimintakan disebabkan ingin melindungi Najib.

Katanya, perkara itu adalah berhubung pembabitan Jho Low dalam memberi nasihat kepada 1MDB dan PetroSaudi International berkenaan usaha sama kedua-dua pihak.

"Saya masih ingat ketika proses (mesyuarat) membubarkan TLA (Lembaga Pelaburan Terengganu) yang kemudian ditukar kepada nama 1MDB.

"Dalam mesyuarat itu, Najib berkongsi mengenai 1MDB dan beliau mahukan 1MDB melakukan perkara yang berbeza dan meninggalkan cara lama. Najib mahu semuanya dilaksanakan segera dan pantas.

"Pada mesyuarat khas yang dihadiri pegawai kanan Kementerian Kewangan, Najib pernah menyatakan "saya (Najib) tidak akan

memusnahkan negara," katanya.

Berikutan kenyataan itu, Shahrul Azral menjelaskan ia adalah antara punca kenapa beliau mempercayai Najib yang dapat dilihat melalui setiap keputusannya dalam syarikat itu.

Terdahulu, Shahrul Azral memberitahu mahkamah, beliau tidak memaklumkan kepada Ahli Lembaga Pengarah 1MDB berkaitan hutang AS\$700 juta yang mula efektif selepas perjanjian usaha sama ditandatangani dengan PSI pada 28 September 2009.

Keputusan itu dibuat berikutan beliau mendapat tekanan untuk menandatangani perjanjian itu selepas diberitahu oleh Jho Low bahawa 'bos mahu perkara itu dilaksanakan'.

"Jadi saya buat keputusan untuk teruskan apa yang saya anggap arahan daripada Najib dan saya percaya ia akan berjaya kerana Jho Low dan Casey Tang (Pengarah Eksekutif 1MDB) bekerja mengikut arahan Najib.

"Persepsi saya ketika itu ia adalah bukan sesuatu yang biasa ... Saya tanya Casey okey ke nak tandatangan dan dia jawab 'okey', saya percaya nasihat dia," katanya.

Saksi pendakwaan kesembilan itu yang menjawab soalan peguam Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah pada sesi pemeriksaan balas, menegaskan disebabkan jami-



Shahrul Azral ketika hadir di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, semalam.

[Foto Aswadi Alias/BH]

nan oleh Jho Low dan Casey, beliau berasakan tidak perlu untuk memaklumkan kepada Lembaga Pengarah 1MDB.

Terdahulu, Shahrul Azral menjelaskan Ahli Lembaga Pengarah tidak mempersoalkan hutang AS\$700 juta yang berbangkit daripada perjanjian usaha sama itu.

Malahan, Shahrul Azral berkata, sebagai CEO ketika itu, beliau langsung tidak bertanyakan mengenai perjanjian pinjaman ketika dalam mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah kerana mengikut

apa yang diarahkan Jho Low.

"Tiada sebarang rundingan dibuat bersama Ahli Lembaga Pengarah berkenaan pinjaman AS\$700 juta," katanya.

Jelasnya lagi, Ahli Lembaga Pengarah juga tidak pernah melihat kertas pemilihan mengenai aset yang kononnya dimiliki PSI.

"Najib ok dengan semua (berlaku) itu. Sebarang tindakan Jho Low dan Casey adalah berlandaskan persetujuan Najib.

"Disebabkan itu saya hanya mengikuti mereka tanpa memikirkan apa-apa," katanya.